

Tembikar Baba dan Nyonya: Corak dan Motif Porselin *Famille Rose*

(Baba and Nyonya Ceramics: Designs and Motifs of the *Famille Rose* Porcelain)

Grace Choong Ai May
Universiti Sains Malaysia

Abstrak

Barangan tembikar merupakan warisan dalam keluarga Baba dan Nyonya. Artikel ini mengkaji reka corak dan erti simbolik motif yang terdapat pada tembikar Nyonya yang dikenali sebagai Famille Rose. Tembikar Famille Rose berbeza daripada tembikar Cina lain kerana ia berwarna-warni dan mempunyai motif istimewa. Berbeza daripada tembikar biru dan putih yang dieksport dari Jingdezhen, tembikar Famille Rose dihantar ke Guangzhou untuk dicat dan dieksport dari Shanghai untuk kegunaan Straits Chinese. Kajian ini menunjukkan bahawa beberapa motif terpilih seperti bunga dan haiwan yang terdapat pada tembikar Famille Rose menggambarkan maksud simbolik yang berkaitan dengan kepercayaan sosiobudaya Baba dan Nyonya. Tema yang paling banyak dijumpai pada tembikar Nyonya yang berpolikroma enamel seperti mangkuk, teko, cawan, sudu dan besen muka adalah burung Phoenix dan bunga Peony.

Kata kunci: tembikar, Famille Rose, simbolisme Cina, Baba, Nyonya.

Abstract

Ceramics are objects of heirloom in Baba and Nyonya families. This paper is a study of the designs and symbolic meanings of motifs found on special Nyonya porcelain ware known as Famille Rose. Famille Rose ware differ from other Chinese ceramics as they are multi-coloured and have special motifs painted on them. Unlike the common blue and white ceramics which were exported from Jingdezhen, Famille Rose porcelain ware were sent to Guangzhou to be painted and then exported from Shanghai for the use of the Straits Chinese. This study shows that several specific motifs such as flowers and animals found on the Famille Rose porcelain ware are connected to the social cultural beliefs of the Baba and Nyonya. Repeated themes which appear on the fine polychrome enamelled porcelain such as bowls, teapots, cups, spoons, and basins include the Phoenix and the Peony.

Keywords: ceramics, Famille Rose, Chinese symbolism, Baba, Nyonya.

Pengenalán

Porselin *Famille Rose* juga dikenali sebagai ‘Tembikar Nyonya’ atau ‘Barangan Nyonya’ kerana seramik jenis ini hanya digunakan oleh masyarakat Baba dan Nyonya dalam kehidupan seharian. Perkataan ‘Nyonya’, dan bukannya ‘Baba’ digunakan kerana tugas-tugas untuk menyempurnakan sesuatu kerajinan adalah tugas kaum wanita. Tembikar Nyonya ini agak berbeza daripada seramik Cina yang lain dan hanya boleh diperolehi daripada kalangan Baba dan Nyonya yang bermastautin di Negeri-Negeri Selat. Sifat seramik ini adalah berwarna-warni, bersadur di atas sepuhnya, memaparkan lukisan atau corak yang bermotif simbol-simbol sambutan perayaan, kesejahteraan perkahwinan dan panjang umur. Terdapat juga corak motif tumbuh-tumbuhan

dan bunga-bunga yang menarik. Perhiasan begitu dipilih mungkin agar tidak menyinggung perasaan masyarakat Melayu kerana kesenian Islam tidak menggalakkan penggunaan gambar-gambar berbentuk figura.

Pada awal abad ke-20, alatan seramik dapur daripada jenis porselin *Famille Rose* jarang dijumpai kecuali dalam keluarga Peranakan Baba. Jenis alatan itu dibuat atas permintaan dan cita rasa pelanggan Baba dan Nyonya di Asia Tenggara. Barangan seramik yang bercorak dan sepaang merupakan fesyen dan simbol status dalam kalangan keluarga Baba. Pengguna seramik yang mahal tinggal di rumah besar dan kekayaan mereka diperoleh melalui perniagaan.

Barangan seramik berwarna biru dan putih yang digunakan oleh orang Cina *sinkeh* (orang Cina yang baru berhijrah dari negeri China) dieksport dari Jingdezhen sebagai produk siap, manakala seramik lain yang belum didekorasi seperti porselin *Famille Rose* akan dihantar ke Guangzhou untuk dicatkan dan dieksport melalui pelabuhan Shanghai (Harrison 1995: 66). Penempahan alatan dapur yang dikehendaki termasuklah jenis bentuk dan saiz untuk setiap barangan, jenis motif dan dekorasi yang digemari oleh masyarakat Baba. Oleh kerana porselin *Famille Rose* dibuat untuk memuaskan cita rasa masyarakat itu, maka alatan berstail Nyonya tidak mendapat sambutan di pasaran tempatan, kerana orang Cina *sinkeh* beranggapan stail barangan Nyonya terlalu terang warnanya, mahal dan berdekorasi.

Sebelum Perang Dunia Kedua, alatan dapur *Famille Rose*, yang juga digelar *Shanghai ware* merupakan barang biasa yang tidak diberi perhatian langsung oleh masyarakat Baba. Nama *Shanghai* digunakan kerana pelabuhan Shanghai merupakan tempat utama barangan berfesyen dieksport ke Tanah Melayu pada abad ke-19 (Khoo 1998: 240). Di samping itu, tukang jahit di Shanghai juga sangat masyhur dalam kalangan golongan Baba dan Nyonya yang suka menempah pakaian perkahwinan mereka dari Shanghai.

Definisi Porselin Famille Rose

Porselin *Famille Rose* merupakan nama yang diberi oleh Jacquemart pada abad ke-19 dan merujuk kepada sekumpulan barangan porselin yang disapu dengan gerlis enamel sejak tahun 1721 (Harrisson 1995: 68). Teknik menghasilkan porselin *Famille Rose* dijumpai oleh Andre Cassius dari Leyden pada tahun 1670 (Beurdeley 1974: 230). Barangan Nyonya dianggap sebagai barang warisan dan pusaka pada masa ini. Seramik tertua yang dihasilkan adalah pada zaman Maharaja *Tongzhi* (1862–1874). Kebanyakan seramik Nyonya yang dijumpai di Negeri-Negeri Selat adalah dihasilkan semasa zaman Maharaja *Guangxu* (1875–1909) dan selepasnya (Khoo 1998: 244).

Pelbagai tona merah muda dihasilkan dengan pencampuran enamel merah dan putih, yang dinamakan *Purple of Cassius* (Beurdeley 1974: 230), merupakan sifat istimewa porselin *Famille Rose*. Warna merah muda ros yang paling disukai dan bersifat unik di kalangan warna legap didapati daripada serbuk emas. Semua warna dalam kumpulan ini adalah legap dan muncul dengan sifat relief, dan membolehkan stail catan yang lebih menarik dihasilkan. Pada pertengahan abad ke-18, objek-objek Barat menjadi popular di pasaran dunia. Oleh itu, kumpulan enamel itu juga dikenali sebagai *Yangcai* bererti warna orang asing, ataupun *fencai* yang bererti warna serbuk muda (Medley 1973: 68). Dokumentasi menunjukkan seramik jenis *Famille Rose* diperkenalkan ke negeri China sekitar tahun 1730 (Harrisson 1995: 70). Pada masa itu, penyebar Kristian membawa media catan enamel ke *Jingdezhen* dan kemudiannya ke *Guangzhou* untuk dihias pada seramik yang ditempah.

Pada mulanya porselin *Famille Rose* dihasilkan dengan kaedah melukiskan motif dengan gerlis berwarna dan disapukan dengan gerlis lutsinar. Ia akan dibakar pada suhu lebih daripada 100°C. Kemudian diletakkan serbuk enamel yang bercampur dengan bahan catan dan dilukiskan pada permukaan alatan. Warna yang digunakan adalah warna terang, ada *ying* dan *yang*, ertinya yang bergambar positif dan negatif, yang berwarna tebal dan nipis dan sebagainya. Barulah dimasukkan sekali lagi ke dalam rakus untuk dibakar pada suhu yang lebih rendah (Qing 1996: 331).

Jenis Tembikar Nyonya Porselin *Famille Rose*

Jenis-jenis tembikar Nyonya yang digunakan ialah di dapur, di bilik tidur dan barangan yang lain. Set dapur terdiri daripada mangkuk, pinggan, sudu, piring, cawan, teko dan bekas mengisi bahan makanan yang dinamakan *kamcheng*. Semua alatan itu digunakan apabila semua anggota keluarga berkumpul untuk merayakan sesuatu keramaian. Bilangan besarnya anggota keluarga bererti juga besar jumlah tembikar-tembikar yang akan digunakan. Barangan di bilik tidur seperti kotak sabun, besen muka, kotak serbuk, bekas ludah dan sebagainya. Yang lain-lain pula barangan yang sangat jarang dijumpai seperti kotak *gua-ji* (biji tembikar Cina), bekas colok, pasu bunga dan sebagainya serta sebilangan tembikar yang mengimitasi barangan di Eropah seperti bekas susu, cawan telur, bekas gula dan sebagainya.

Teko (Set minum teh)

Upacara minum teh merupakan satu upacara yang dimestikan di majlis-majlis perkahwinan masyarakat Baba dan Nyonya. Pada masa inilah ‘set minum teh’ digunakan. Dalam upacara itu kedua-dua pengantin akan menghidangkan teh kepada ibu bapa dan semua saudara-mara yang tua demi memohon restu mereka untuk kesejahteraan hidup berumah tangga bersama pasangan yang baru sahaja masuk ke gerbang perkahwinan itu.



Gambar 1 Teko, koleksi Encik Ch'ng Huck Theng.

Gambar kajian pengkaji, 2002.

Kebanyakan teko berstail Peranakan Baba adalah bersaiz kecil.

Diameter: kurang 8–10 cm, tinggi: 4–10 cm.



Gambar 2 Bekas alas teko, koleksi Encik Ch'ng Huck Theng.
Gambar kajian pengkaji, 2002.
Bekas alas teko hijau ini berdiameter 26.5 cm.

Mangkuk



Gambar 3 Mangkuk, koleksi Puan Honey Khoo. Gambar kajian pengkaji, 2004. Mangkuk hijau ini dicapkan dengan tanda kedai. Dasar mangkuk dikelilingi dengan motif reka corak *Ju-i*. Subjek utama adalah bunga *peony* merah jambu dan lapisan luar mangkuk adalah jalur merah muda yang dilukiskan dengan simbol 'lapan benda berharga'. Diameter 14 cm.

Kamcheng (cawan teh)

Dalam bahasa Hokkien, *kamcheng* bererti cawan teh yang bertutup. Pada penutupnya terdapat pemegang yang berbentuk seekor singa Cina. *Kamcheng* digunakan untuk mengisi air, air manis, nasi kunyit ataupun nasi lemak semasa majlis perayaan. *Kamcheng* terdapat dalam pelbagai saiz iaitu sekecil-kecil diameter seluas 4.3 cm dengan ketinggian 8.8 cm hingga sebesar-besar diameter seluas 32.5 cm dengan ketinggian 28.5 cm.

Reka cipta *kamcheng* itu sangat istimewa kerana warnanya biru muda dan bermotifkan seekor burung murai (*magpie*) yang mungkin sedang menyanyi kerana mulutnya terbuka dan lidahnya terjulur keluar. Burung itu hinggap di atas dahan pokok buah anggur. Empat helai disusun dari kanan ke kiri dan di bawahnya tergantung sembilan gugus buah anggur. Nombor sembilan merupakan nombor yang paling bertuah dalam kepercayaan orang Cina. Di bawahnya terdapat sepasang bunga *peony* merah dan berdaun hijau muda dan gelap. Stail *kamcheng* itu dinamakan *Zhi Xi* iaitu terdapat tumbuhan *wisteria*, buah anggur, bunga *peony* dan burung. Ia mendapat nama itu berdasarkan cerita Maharani Dowager, *Tzu His*, menempah satu set porselin berstail begitu itu untuk ulang tahun harijadi ke-60 tahun baginda (Ho 1983: 45).



Gambar 4 *Kamcheng*, koleksi Encik Ch'ng Huck Theng.
Gambar kajian pengkaji, 2002. Ketinggian: 16.5 cm. Diameter: 15.5 cm.

Chupu

Chupu juga dikenali sebagai *himcheng* di Pulau Pinang atau *kat-mau* di Melaka dan Singapura. Ia merupakan sejenis peralatan dapur yang digunakan untuk mengisi herba atau sup. Ia terdiri daripada badan dan penutup. Bahagian badan berbentuk seperti mangkuk yang tinggi dengan tepi yang meruncing ke bawah. Bahagian penutup pula berbentuk kubah dan pemegangnya adalah berbentuk silinder. *Chupu* boleh didapati dalam pelbagai warna, motif dan saiz, dan berdiameter 4 cm hingga ke 20 cm. *Chupu* yang besar digunakan untuk mengisi sup sarang burung. *Chupu* jenis *Famille Rose* lebih nipis dan berbunyi hening, berbanding *chupu* seramik biru dan putih. *Chupu* perlu dibawa dengan berhati-hati kerana penutupnya mudah terbuka. *Chupu* yang kecil digunakan untuk mengisi bedak sejuk yang dibuat oleh Nyonya sendiri dengan beras atau sebagai perhiasan di atas meja.



Gambar 5 *Chupu*, koleksi Muzium Pulau Pinang. Gambar kajian pengkaji, 2003. *Chupu* hijau yang besar bermotifkan *phoenix* dan *peony* manakala yang kecil juga berwarna hijau dengan hanya motif *peony*.

Pinggan

Gambar 6 Pinggan Nyonya Pulau Pinang berwarna putih, koleksi Puan Honey Khoo. Gambar kajian pengkaji, 2004. Diameter: 16 cm.

Sudu

Gambar 7 Sudu, koleksi Encik Ch'ng Huck Theng. Gambar kajian pengkaji 2002. Terdapat pelbagai sudu *Famille Rose* yang berlainan saiz daripada kepanjangan 7 cm yang terkecil sehingga ke 15 cm.

Tengkat

Gambar 8 Tengkat, koleksi Encik Ch'ng Huck Theng. Gambar kajian pengkaji, 2002. Ketinggian: 22 cm. Warna dasar merah 'coral' yang dianggap warna janggal didapati dan dipenuhi dengan gulungan flora yang bertona hijau tua.

Besen Muka



Gambar 9 Besen muka, koleksi Encik Ch'ng Huck Theng. Gambar kajian pengkaji, 2002.
Besen yang biasa berdiameter 40 cm, ada juga yang lebih kecil berdiameter 30 cm.

Bekas Ludah

Gambar 10 Bekas ludah, koleksi Encik Ch'ng Huck Theng. Gambar kajian pengkaji, 2002.
Bekas ludah biasanya diletakkan di bilik tamu untuk meludah sirih. Ketinggian: 39.5 cm.



Gambar 11 Bekas ludah, koleksi Encik Ch'ng Huck Theng. Gambar kajian pengkaji, 2002. Ini adalah sebuah bekas ludah yang berbentuk *kuan*. Ketinggian: 16 cm. Tanda tahun iaitu *ming guo nian zhi* (The Republic of China) ialah pada awal abad ke-20.

Pasu Bunga

Gambar 12 Pasu bunga, koleksi Encik Ch'ng Huck Theng. Gambar kajian pengkaji, 2002. Bermotifkan seekor naga dan seekor *phoenix* yang sedang terbang membawa maksud sepasang suami isteri.

Bantal Porselin

Gambar 13 Bantal porselin, koleksi Encik Ch'ng Huck Theng.
Gambar kajian pengkaji, 2002. Bantal porselin digunakan supaya rambut nyonya kemas selepas waktu tidur petang.

Kotak Sabun



Gambar 14 Kotak sabun, koleksi Muzium Pulau Pinang. Gambar kajian pengkaji, 2004. Kotak sabun merah muda ini berstail Eropah. Motif utama ialah *phoenix* dan *peony*. Di luar bingkai ialah motif bunga *peony* dan motif tepian ditonjolkan simbol 'lapan benda berharga'.

Kotak Gua-ji

Gambar 15 Kotak *gua-ji*, koleksi Encik Ch'ng Huck Theng. Gambar kajian pengkaji, 2002.
Kotak *gua-ji* ialah pinggan bulatan dengan penutup yang secara tradisionalnya digunakan untuk meletak *gua-ji* atau biji tembikar Cina yang berwarna merah dan hitam.
Kotak itu juga boleh digunakan untuk mengisi jeruk.

Reka Corak dan Symbolisme Cina

Barangan Nyonya *Famille Rose* boleh juga dibahagikan kepada dua kategori major berdasarkan warnanya. Jenis pertama, yang paling biasa dan kurang penghiasan adalah barangan berdasar warna putih. Jenis kedua merupakan barangan yang dihiasi dengan catan enamel yang berwarna-warni. Terdapat kepingan barangan yang bukan sahaja bahagian luar dipenuhi perhiasan, malah bahagian dalam juga dipenuhi perhiasan yang berwarna-warni. Secara tidak langsung menunjukkan penggunaanya yang begitu kaya, bukan sahaja mampu membeli barangan *enamel* di bahagian luar tetapi di bahagian dalam.

Pada hari ini, kejanggalan sebuah barangan antik bergantung kepada bilangan yang boleh didapati, warna dan saiznya. Warna yang jarang didapati pada waktu sekarang ialah biru indigo, biru muda, merah coral, perang dan kuning. Contohnya sebuah dulang indigo yang berflora dianggap antik yang susah didapati. Maka barangan berwarna demikian lebih mahal berbanding barangan berwarna seperti hijau. Boleh dikatakan majoriti barangan Nyonya terkongkong oleh beberapa jenis gambar sahaja seperti bunga, burung dan serangga. Gambar landskap, gambar tentang sejarah dan kisah cinta yang begitu popular semasa Dinasti Qing, terutamanya semasa pemerintahan Maharaja *Kang-xi* (1662–1722) dan juga pada barangan buatan di Canton, adalah antara barangan Nyonya yang sangat jarang dijumpai.

Dari segi seni visual, tembikar *Famille Rose* boleh diklasifikasikan kepada dua jenis motif utama iaitu motif flora dan motif haiwan. Banyak elemen dekoratif iaitu berasal dari cerita dongeng atau sejarah Cina. Lama-kelamaan reka cipta sedemikian menjadi lebih berstail (Stalberg 1983: 39). Contohnya bentuk ikan dan binatang yang dilukis pada tembikar zaman Neolitik telah diringkaskan sehingga menjadi bentuk geometri yang diulang-ulang sehingga menjadi corak. Terdapat juga tulisan Cina pertama berbentuk gambar sejak empat ribu tahun dahulu iaitu *jiaguwen* yang diguris pada tulang binatang mahupun pada cangkerang kura-kura bertujuan untuk mengutarakan sesuatu objek. Reka cipta motif tembikar berasaskan pada geneologi karya dan simbolisme yang diwarisi sejak beberapa abad yang lepas.

Sejak dahulu, orang Cina bergantung kepada pertanian dan penternakan serta memberi perhatian kepada alam sekitar, terutamanya hujan, guruh dan awan. Reka cipta awan merupakan cara bergaya untuk mencorakkan alam sekitar. Di mana golongan Baba yang merupakan pekebun getah, penanam padi dan pelombong bijih timah yang bergantung kepada alam untuk rezeki amat mementingkan penyembahan Tuhan dan nenek-moyang. Motif guruh atau *leiwén* yang mula-mula dilukis pada masa Neolitik masih digunakan pada tembikar Nyonya hingga hari ini. Di samping simbolisme *phoenix* yang dikaitkan dengan perkahwinan dan kesuburan zuriat keluarga. Kraf tembikar dan tekstil, menjadikan motif-motif tertentu seperti bunga-bunga, burung-burung dan serangga sebagai motif formal kesenian yang kemudian digunakan dalam kraf Cina yang lain. Reka cipta dan simbol-simbol yang ditambahkan pada tembikar Nyonya dipengaruhi oleh budaya Asia Tengah dan agama Buddha, seperti simbolisme Lapan Benda Berharga dan simbolisme Buddhisme yang membawa motif seni dan agama dari India (Stalberg 1983: 39).

Masyarakat Baba percaya terdapat semangat ghaib di sekeliling mereka, roh hantu akan menyerang mereka yang tidak dilindungi, malah seseorang akan jatuh sakit atau nyawa dalam bahaya atau ditimpa malang. Oleh itu, semua objek yang digunakan mesti ada simbol-simbol yang bermaksud untuk menjauhkan roh yang jahat. Simbolisme seperti 'Lapan benda berharga' difungsikan untuk menarik kekayaan, peningkatan kerjaya, kejayaan dalam pelajaran dan sebagainya. Disebabkan bahasa Cina adalah berbunyi fonetik, sesuatu objek adalah simbolik kerana mempunyai sebutan yang sama dengan perkataan yang baik dan bertuah. Contohnya pasu yang berbunyi *ping* sama bunyi dengan maksud selamat. Pasu bunga sepasang biasanya diletakkan di meja penyembahan Tuhan dan nenek moyang untuk memastikan keselamatan anak cucu keluarga tersebut.

Motif Flora

Motif bunga empat musim merupakan motif yang popular pada lukisan seni tembikar. Bunga *peony* dikenali sebagai *mutan* dalam bahasa Cina dan merupakan ‘Raja bunga’ untuk musim bunga. Ia juga digelar bunga ‘Luoyang’ kerana berasal dari Luoyang, China. Bunga *peony* ialah sejenis pokok bunga yang kecil tetapi menghasilkan bunga besar lagi berwarna-warni. Ia disambut dengan baik di kalangan orang Cina kerana mewakili kekayaan dan penghormatan.



Gambar 16 Motif bunga *Peony*. Gambar pengkaji, 2004.

Bunga *peony* juga dianggap ‘bunga *yang*’. *Yang* membawa maksud elemen prinsip jantan, yang berlawanan dengan elemen prinsip *ying* dalam Ajaran Taoisme. Bunga *peony* dianggap membawa alamat yang baik semasa berbunga, sebaliknya kalau bunga layu dengan tiba-tiba pula akan membawa nasib yang malang. Bunga ini merupakan bunga kegemaran Maharani Negara China. *Dowager Cixi* yang memerintah takhta Kerajaan Negeri China selepas kemangkatan Maharaja pada tahun 1861. Baginda juga menjadi pemangku raja sehingga kemangkatan baginda pada tahun 1908. Bunga *peony* merupakan simbol kepada cinta dan sayang serta kekayaan (Williams 1976). Ia selalu dipadankan dengan burung *phoenix* pada pelbagai barangan Nyonya sebagai simbol pengantin perempuan dan meraikan segala kualiti yang diharapkan pada pengantin perempuan iaitu sifat kewanitaan, kesetiaan kepada suami, ketaatan kepada ibu bapa, kesucian, kemudaan dan kecantikan wajah.

Motif bunga empat musim seterusnya ialah bunga teratai yang mewakili musim panas dan kesucian hati seseorang. Bunga teratai tampil sebagai jalur kelopak bunga teratai yang berstail dalam kebanyakan barangan Nyonya. Jalur kelopak bunga teratai dijadikan motif tepian yang popular pada bekas seramik yang dibuat pada Dinasti Yuan. Selain itu, jalur kelopak bunga teratai juga ditampak pada bekas bunga, bangku porselin dan bekas ludah.

Bunga kekwa ditampilkan untuk maksud musim luruh kerana ia tumbuh pada musim itu dan juga sebagai simbol semangat persahabatan. Bunga kekwa juga melambangkan orang yang mengejar ilmu pengetahuan dan bukan pangkat dan nama. Untuk barangan Nyonya, gambar kekwa dipilih untuk meraikan harijadi yang ke-60 (Kee 2004: 143). Motif kekwa juga dilukiskan berpasangan dengan burung murai pada *kamcheng* jingga yang membawa maksud gembira setiap hari. Bunga kekwa diletakkan di meja sembah nenek moyang bersama-sama dengan alatan penyembahan yang lain.



Gambar 17 Motif bunga kekwa. Gambar pengkaji, 2004.

Bunga mei (*plum blossom* atau *prunus*) pula sering digunakan oleh penyair Cina di dalam syair mereka. Musim sejuk diwakili oleh bunga mei yang tahan kesejukan dan tumbuh pada musim ini, ia akan berbunga pada dahan pokok tanpa daun. Bunga mei yang mempunyai lima kelopak mewakili kehidupan baru pada akhir musim sejuk. Oleh itu, bunga mei adalah simbolik kepada keberanian dan kecantikan dalaman.

Motif Haiwan

Seekor burung *phoenix* atau *feng-huang* iaitu imej burung impian yang dicipta dan bukan imej burung yang sebenar. Gambar burung *phoenix* menunjukkan simbol baik hati, kerana ia merupakan burung yang paling dekat dengan syurga, di samping menunjukkan erti pencapaian



Gambar 18 Motif burung *Phoenix*. Gambar pengkaji, 2002.

yang tinggi. *Phoenix* juga merupakan gambar campuran beberapa jenis burung disebabkan ia mempunyai leher burung jenjang (*crane*), bulu pelepah burung kuang (*golden pheasant*) dan ekor burung merak. Perkataan Cina *Feng-huang* bererti *feng* ialah spesies jantan, manakala *huang* ialah spesies betina. Kedua-dua perkataan ini berkombinasi satu nama yang biasa. Adakala kita juga dapat melihat gambar sepasang *phoenix* iaitu seekor jantan dan seekor betina. *Feng-huang* juga adalah lambang maharani. Nama lainnya ialah burung *ho-ho*, *ho-ho* ialah nama Jepun (Medley 1973: 95). Adakala *phoenix* dipasangkan dengan naga, iaitu naga mewakili maharaja dan *phoenix* mewakili maharani. Bulu burung *phoenix* yang terdiri daripada lima warna mewakili lima sifat yang murni iaitu keadilan, sopan santun, kearifan, kerendahan diri dan keikhlasan (Kee 2004: 141).

Tema *phoenix* dan *peony* boleh dikatakan berasal dari genre catan lukisan Cina ‘burung dan bunga’ ataupun yang digelar *hua-niao-hua*. Tema *phoenix* dan bunga *peony* biasanya diinterpretasi dalam dua bentuk. Pertama, dua batang pokok bunga *peony* serta sepasang burung *phoenix* yang disusun bertentangan atau simetri. Manakala cara kedua dipaparkan motif seekor *phoenix* dan sebatang bunga *peony* di tengah-tengah pinggan dan dikelilingi dengan reka cipta yang lain. Ruang di luar mungkin dipenuhi dengan bunga-bunga dan serangga seperti rama-rama, cengkerik, riang-riang (*cicada*) dan mentadak.

Satu motif yang diulangkan pada barangan Nyonya ialah *Bai Niao Chao Feng* iaitu seekor *phoenix* yang berdiri di bawah pokok *wutong* (*parasol tree*) dikelilingi oleh burung-burung yang berlainan spesies. Motif itu pertama kali muncul pada barangan seramik Kangxi, Dinasti Qing yang bermaksud ratusan burung memberi penghormatan kepada burung *phoenix*. Simboliknya iaitu rakyat memberi sokongan penuh kepada Maharaja.

Burung dan haiwan adalah berhubung kait dengan pokok bunga, di mana dua benda itu adalah manifestasi kepada alam sekitar. Burung dianggap sebagai haiwan yang mulia oleh orang Cina kerana ia adalah simbol kepada kebebasan, iaitu kebolehan untuk terbang. Burung juga



Gambar 19 Pokok *wutong*, burung *phoenix* dan bunga kekwa. Gambar pengkaji, 2002.

dinikmati kerana kemahiran untuk menyanyi, yang ditulis dan dipuji oleh penyair Cina sejak dahulu kala. Bagi penganut Buddha, pelepasan seekor burung dari sangkar merupakan erti simbolik kepada pelepasan roh seseorang daripada seksaan kemanusiaan. Ia juga merupakan cara untuk mendapat 'karma' atau balasan yang baik. Burung yang berlainan jenis mempunyai erti simbolik yang berlainan. Lukisan burung dan bunga berhubung kait dengan ajaran Taoisme

yang memberi perhatian kepada harmoni dalam alam sekitar. Dalam barangan Nyonya, motif burung yang biasa adalah *phoenix*, burung jinjang (*crane*), burung murai (*magpie*) dan burung kuang (*pheasant*).



Gambar 20 Genre burung dan pokok bunga. Gambar pengkaji, 2002.



Gambar 21 Motif burung dan bunga. Gambar pengkaji, 2002.

Rupa naga merupakan gambar yang popular dalam reka cipta orang Cina. Ada anggapan bahawa koleksi porselin masyarakat Baba tiada imej naga. Anggapan ini tidak benar kerana didapati dalam koleksi keluarga Baba memang wujud imej naga. Reka cipta naga telah dijumpai dalam koleksi seperti bekas colok dan juga pasu. Terdapat lagi satu anggapan iaitu *sinkeh* atau kebanyakan golongan penghijrah baru dari negeri China pada awal abad ke-20 merupakan golongan kuli. Naga melambangkan maharaja Cina atau keluarga diraja, ia juga adalah simbol pembesar-pembesar di istana, kemudian pegawai-pegawai kerajaan dan seterusnya. Oleh itu, reka cipta naga kurang dijumpai di Tanah Melayu berbanding dengan imej *phoenix* kerana pemiliknya bukan daripada golongan yang berpelajaran.




Gambar 22 Naga hijau. Gambar pengkaji, 2004.

Dalam tradisi budaya orang Cina, naga berasal dari arah kawasan utara, manakala *feng-huang* (*phoenix*) berasal dari arah kawasan selatan dan hanya wujud semasa zaman aman dan kaya. Simbol naga berjari lima mewakili maharaja atau keluarga diraja, manakala simbol naga berjari empat adalah untuk pembesar-pembesar dan pedagang-pedagang kaya. Akan tetapi, semasa Dinasti Qing, peraturan itu tidak dikuatkuasakan lagi, orang biasa juga boleh memakai imej naga yang berjari lima. Disebabkan orang Hokkien berasal dari selatan negeri China, mereka lebih gemar kepada reka cipta *phoenix*.


Simbol-Simbol Cina

Reka cipta dekoratif yang terdapat pada barangan seramik yang digunakan secara tradisional sejak dahulu dan merupakan sebahagian daripada agama, seni dan ikonografi sosial masyarakat Cina. Kebanyakan reka cipta simbolik adalah figuratif, kecuali reka cipta geometri yang tiada erti simbolik seperti tepian petir yang tanpa erti malah untuk dekorasi sahaja (Young 1980). Lapan benda berharga biasanya direpresentasikan oleh lapan simbol. Terdapat tiga kumpulan untuk lapan simbol sedemikian iaitu ‘lapan benda berharga yang biasa’ (*ba-bao*); ‘lapan lambang Buddhisme’ dan ‘lapan lambang Taoisme’.



Gambar 23 Lapan benda berharga (*ba-bao*). Baris atas (dari kiri): mutiara, duit syiling, *lozenge* dan sepasang buku. Baris bawah (dari kiri): sekeping gambar, simbol batu loceng muzik, tanduk badak sumbu dan daun *artemesia*. Sumber: *A Handbook of Chinese Art* (Medley 1973: 93).

Lapan benda berharga biasanya dilukis bersambung dengan reben merah panjang yang bermaksud tenaga ghaib yang dibebaskan dari objek tersebut dan digunakan pada barangan porselin dan kraf sulaman. Simbol mutiara (*zhu*) dikatakan membawa tuah kerana mutiara yang terang pada waktu malam itu mempunyai kuasa ghaib dan penganut Taoist percaya ia adalah *essence* bulan. Begitu juga dengan bola yang digulingkan oleh singa juga sebiji *zhu* yang mempunyai kuasa untuk menjauhkan kejahatan. Duit syiling melambangkan kekayaan. Lambang *lozenge* pula bererti kemenangan, sepasang buku bererti kearifan, dan sekeping gambar diikuti dengan simbol batu loceng muzik yang dibuat daripada batu jed bererti kegembiraan. Tanduk badak sumbu bererti kesihatan dan daun *artemesia* bererti kebahagiaan.




Gambar 24 Lapan lambang Buddhisme. Baris atas (dari kiri): roda, siput laut, payung dan *canopy*.
Baris bawah (dari kiri): bunga teratai, pasu bunga, pasangan ikan dan ikatan tali Cina.
Sumber: *A Handbook of Chinese Art* (Medley 1973: 93).



Gambar 25 Motif lambang Buddhisme pada tembikar nyonya. Gambar pengkaji, 2002.


Terdapat banyak jenis dekorasi tepian untuk menghiasi sekeliling sesuatu tembikar nyonya seperti paku dan pinggan. Contoh yang biasa seperti reka cipta berokat, yang biasanya berkaitan dengan flora. Lapan lambang Buddhisme atau alamat kebahagiaan yang dinamakan *ba-bao* sering muncul pada barangan seramik. Lambang-lambanganya ialah gambar roda atau *chakra* (*enlightenment*) yang menunjukkan jalan ke *nirvana*. Siput laut melambangkan jalan kebaikan dan simbol kemenangan dalam Buddhisme. Payung pula melambangkan tersembunyi dari kepanasan dan perasaan keinginan. *Canopy* bererti kemenangan pada agama. Bunga teratai, simbol kepada kesucian dan *nirvana*. Pasu bunga, bererti simpanan hasrat dan keinginan. Pasangan ikan pula bererti kesatuan kebahagiaan pasangan suami isteri atau *yin* dan *yang*. Simbol yang kelapan, ikatan tali Cina di mana talinya melambangkan jalan menuju kebahagiaan. Sebuah loceng mungkin digunakan untuk menggantikan roda. Adakala lapan lambang Buddhisme juga dikelirukan dengan lapan lambang Taoisme, asalkan terdapat lapan lambang.



Gambar 26 Lapan lambang Taoisme. Baris atas (dari kiri): buah labu, kipas, bakul bunga dan gendang Cina. Baris bawah (dari kiri): bunga teratai, keris, serunai dan kastenet.

Sumber: A Handbook of Chinese Art (Medley 1973: 97).

Lapan lambang Taoisme yang mewakili lapan orang dewa-dewi yang bernama *pa-xian* iaitu simbol barang-barang yang diguna oleh mereka. Lambang-lambang tersebut ialah buah labu yang digunakan oleh Li Tieh-kuai, dewa kepada pesakit. Kipas tangan yang merupakan simbol dewa bernama Chung Li-chuan, dewa yang menjaga ketenteraan. Lan Cai-he yang memegang bakul bunga, dewa yang menjaga tukang kebun. Gendang Cina yang terdiri daripada seruas buluh dan dua batang rod, simbol Chang Kuo-lao yang menjaga pelukis dan seniman kaligrafi. Bunga teratai yang dipegang oleh dewi He Xian-gu, yang menjaga suri rumahtangga. Simbol keris yang digunakan oleh Lu Tung-piu (AD 755–805) seorang literator dan wira, dewa kepada penggantung rambut. Seruling, simbol kepada dewa muda Han Hsiang-tzu yang menjaga seniman muzik. Akhir sekali, alat muzik kastanet yang dipegang oleh Tsao Kuo-Chiui yang merupakan dewa kepada pelakon.




Gambar 27 Motif kolar awan atau 'lappet' (Macintosh: 1977).

Reka corak yang penting ini juga dikenali sebagai corak *ju-i*, corak ogival dan sebagainya. Bentuknya terdiri daripada empat panel kelopak yang bersimetri. Akan tetapi corak itu juga bervariasi dan *interiornya* dipenuhi dengan motif dekoratif yang lain.



Gambar 28 Motif kolar awan atau 'lappet'. Gambar pengkaji, 2003.




Gambar 29 Motif kolar awan atau 'lappet' (Macintosh: 1977).

Simbol kepala *ju-i* yang berbentuk hati sama dengan tanda batang *ju-i* yang dibawa oleh *deiti* Buddha, yang bererti mempunyai kekuasaan. Kepala *ju-i* juga bererti segala keinginan akan tercapai. Ia digunakan berulang-ulang, dan kadangkala kelihatan seperti motif tepian awan.



Gambar 30 Simbol *Ju-i*. Gambar pengkaji, 2002.



Gambar 31 Motif tepian bentuk berlian (Macintosh 1977).

Dekorasi ini digunakan sebagai reka corak tepian untuk pinggan besar dan juga sebagai pemuat ruang. Ia terdiri daripada corak geometri yang berulang-ulang dan dijumpai pada barangan tembikar sejak abad ke-14. Reka corak ini menjadi semakin ringkas selepas akhir abad ke-16.




Gambar 32 Panel teratai (Macintosh 1977).

Panel teratai merupakan motif tepian yang paling biasa digunakan dan wujud sejak zaman dinasti Song. Panel teratai didekorasikan pada dasar dan kaki bekas dan pasu bunga. Reka corak itu berasal daripada motif teratai Buddhisme. Ia kelihatan dalam pelbagai pengayaan, walaupun semuanya berbentuk kelopak bunga teratai yang bahagian kelopaknya berbelok sedikit ke belakang. Dalam reka corak tersebut terkandung pelbagai motif simbol, bergantung kepada tujuan barangan seramik tersebut.



Gambar 33 Panel teratai. Gambar pengkaji, 2002.



Gambar 34 Reka corak klasik Cina (Macintosh 1977).

Motif ini merupakan reka corak linear yang digunakan sebagai corak tepian. Reka corak yang halus itu biasanya dilukiskan dengan tangan pada barangan tembikar pada abad ke-14 dan 15.




Gambar 35 Reka corak klasik Cina. Gambar pengkaji, 2002.



Gambar 36 Reka corak guruh atau kekunci (Macintosh 1977).

Reka corak yang berulang itu digunakan untuk mengelilingi bekas dan pasu bunga. Pada mulanya ia digunakan pada perhiasan barangan gangsa, kemudian menjadi popular pada barangan tembikar.




Gambar 37 Motif guruh (Stalberg 1983).



Gambar 38 Motif guruh. Gambar pengkaji, 2002.
Satu lagi motif guruh yang berbentuk spiral atau berbentuk kekunci yang biasanya disambung untuk menjadi satu garisan. Merupakan simbol geometri yang paling popular.

Lukisan *Kamcheng*

Gambar 39 menunjukkan contoh bagaimana penggunaan simbol-simbol diguna pakai pada sebuah *kamcheng*.



Contoh simbol-simbol Cina pada sebuah *kamcheng*. Penggunaan simbol tidak semestinya tetap pada sejenis barangan dapur, simbol-simbol cina yang berlainan digunakan pada barangan dapur yang berlainan. A: singa *filial*, B: burung *phoenix*, C: bunga *peony*, D: simbol lapan benda berharga (*ba-bao*), E: reka corak *ju-i*, F: panel teratai.

Penutup

Pada keseluruhannya, Baba dan Nyonya menikmati dan menghayati barangan dengan warna yang terang-benderang, reka corak flora yang padat, dipadankan dengan burung dan serangga yang dilukis dengan realistik, ditambah dengan kemahiran pertukangan tangan yang halus. Peraturan-peraturan dan sifat-sifat yang sama bukan sahaja diaplikasikan kepada barangan tembikar, tetapi juga kepada benda-benda lain seperti jubin, bingkai tingkap, pintu, perabot, sulaman, kerja kraf manik, barangan perak, kostum perkahwinan mahupun stail masakan. Sebaliknya motif figura dan haiwan seperti dewa-dewi, naga, *qi-ling*, rusa, kelawar dan amab jarang dijumpai pada porselin Nyonya tetapi lebih kerap dijumpai pada reka corak sulaman, kerja kraf manik, barangan perak, perabot dan ukiran kayu. Malah masyarakat Baba juga menempah dan mengukirkan tanda nama papan kayu keluarga yang digantung di atas pintu rumah mereka, kerana majoriti masyarakat Baba pada abad ke-20 tidak tahu menulis dan membaca bahasa Cina. Hanya dalam hal porselin, masyarakat Baba menetapkan subjek utama iaitu burung *phoenix* atau burung lain berpasangan dengan bunga *peony*.

Bibliografi

- Harrison, Barbara. 1995. *Later Ceramics in South-East Asia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Beurdeley, Michel dan Cecile. 1974. *Chinese Ceramics*. London: Thames and Hudson.
- Williams, C.A.S. 1976. *Outlines of Chinese Symbolism and Art Motives*. London: Dover.
- Duncan Macintosh. 1977. *Chinese Blue and White Porcelain*. London: David & Charles.
- Jenyns R. S. 1971. *Later Chinese Porcelain*. London: Faber and Faber.

- Joseph, Adrian M. 1971. *Ming Porcelain – Their Origins and Development*. London: Bibelot.
- Ho Wing Meng. 1983. *Straits Chinese Porcelain*. Singapore: Times Books International.
- Kee Ming-Yuet. 2004. *Straits Chinese Porcelain*. Kuala Lumpur: Kee Ming-Yuet Sdn. Bhd.
- Khoo Joo Ee. 1998. *The Straits Chinese*. Kuala Lumpur: The Pepin Press.
- Medley, Margaret. 1973. *A Handbook of Chinese Art*. Singapore: Eastern Universities Press.
- Penkala, Maria. 1963 *Far Eastern Ceramics*. The Netherlands: Mouton & Co.
- Qing Da Shu. 2000. *Dang shi yi hua xiang yu*. Hong Kong: Zhong Tian Publisher.
- Qing Da Shu. 1996. *Dang shi yi huo xiang yu*. Hong Kong: Zhong Tian Publisher.
- Southeast Asian Ceramic Society. 1985. *A Ceramic Legacy of Asia's Maritime Trade*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Stalberg, R. H. 1983. *Chinese Crafts*. Singapore: Times Books International.
- Cox, Warren E. 1973. *The Book of Pottery and Porcelain*. New York: Crown Publishers.
- Willets, William dan Lim Suan Poh. 1981. *Nyonya Ware and Kitchen Ch'ing*. Kuala Lumpur: The Southeast Asian Ceramic Society, Oxford University Press.
- Young Yang Chung. 1980. *The Art of Oriental Embroidery*. London: Bell and Hyman Limited.